

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN, NAIB**  
**CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**SEMPENA PROGRAM SENAMROBIK BERSAMA**  
**MAHASISWA UniMAP SEMPENA MINGGU SUAIKENAL**  
**SIDANG AKADEMIK 2010/11,7 JULAI 2010.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor UniMAP (Penyelidikan Dan Inovasi),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Mahasiswa dan Mahasiswi baru UniMAP, Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera. Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Saba Hunhair.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah dan KurniaNya proses pendaftaran pelajar di Ulu Pauh pada 4 Julai lalu berjalan dengan lancar. Syukur juga saya panjatkan ke hadhrat Allah kerana dapat bersua muka dan berkenalan dengan sebahagian ibu bapa dan waris pelajar, serta memberikan sedikit taklimat agar ibu bapa anda semua melepaskan anda di sini dengan rasa yang tenang.

Bermula hari Ahad juga, anda semua telah melalui beberapa siri aktiviti dan program sempena Minggu Suai Kenal (MSK) dan hari ini, kita semua berkumpul beramai-ramai di dataran ini bagi menjayakan **Program Senamrobik Bersama Mahasiswa UniMAP Sempena MSK Sidang Akademik 2010/11** bagi tahun 2010 ini.

Pengurusan UniMAP mempunyai corak dan kaedah tersendiri dalam usaha mendekati diri dengan pelajar-pelajar dan salah satu daripadanya ialah daripada aktiviti riadah dan senam robik seperti ini. Dengan aktiviti inilah, kita akan berkumpul sebagai satu keluarga dan sama-sama melakukan pergerakan-pergerakan yang bukan sahaja membantu menyegarkan badan tetapi pada masa sama menyumbang kepada kecergasan minda.

Ladies and Gentlemen,

Good morning and welcome to University Malaysia Perlis. It is both an honor and a privilege to stand before you today and welcome you to this amazing community. I am sure, you are sitting there feeling a million different emotions and asking yourself a million different questions. **“Did I make the right choice?” “Is this worth the sacrifices I have made to get here?”**

Now, look around you. The people here will be your friends, your colleagues, and perhaps most importantly, your partners. They will be your best source of support and they will help you make the most of your experience here. The relationships you develop here with the faculty, staff, and students will also help you build your career in the future. **Remember, you are all here because you want to become the movers and shakers of the future.**

And allow me to thank all the committee members involved with the Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2010/11 for your full commitment in making the event a success.

Many of you have worked extremely hard to get the campus ready to greet the thousands of students last week. Thanks to campus operations for keeping the campus looking great. It's hard work and we appreciate it.

Again, congratulations to all the new students assembled here this morning. Best of luck to each and every one of you!

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

Mungkin ada di antara anda semua yang baru pertama kali menjejakkan kaki ke negeri Perlis ini dan mungkin juga ada yang pertama kali berada berjauhan dari keluarga.

Walaupun anda berjauhan dari keluarga, saya memberi jaminan anda semua tidak akan berasa sunyi atau terpinggir kerana masyarakat di negeri ini mempunyai sifat “Hemoi” atau dalam erti kata lain ramah. Anda pasti akan berasa seperti berada di negeri atau daerah sendiri.

Tidak dinafikan, amat sukar untuk kita menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru terutama di peringkat awal. Namun, sejajar dengan peredaran masa dan penglibatan anda dalam aktiviti dan program universiti, perasaan itu sedikit demi sedikit akan menjauh.

Selain itu, saya juga percaya, pelbagai aktiviti yang telah dirangka oleh pihak HEPA akan dapat membantu anda untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran di negeri Perlis amnya dan di UniMAP khususnya.

Para pelajar sekalian,

Mungkin saudara saudari sekalian beranggapan UniMAP merupakan salah sebuah universiti teknikal yang menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran akademik semata-mata. Ini sejajar dengan hasrat penubuhan universiti ini yang sememangnya berteraskan kejuruteraan dan mempunyai matlamat melahirkan jurutera yang kompeten.

Hakikatnya UniMAP merupakan sebuah universiti teknikal yang menghasilkan jurutera versatil yang mempunyai kemahiran insaniah yang mencakupi semua aspek iaitu akademik, sukan, budaya dan sebagainya.

Kesemua kemahiran ini disemai di UniMAP menerusi aktiviti yang dikenali sebagai '**7 i - pillars**', merangkumi kursus-kursus patriotik dan kenegaraan, kursus pembinaan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, kursus etiket, sukan lasak, lawatan ke rumah orang-orang tua, program gotong-royong di kawasan kemudahan awam dan sekolah-sekolah, program forum ilmiah, kursus kepimpinan dan lain-lain lagi.

Kursus ini merupakan kursus wajib dan salah satu syarat utama untuk membolehkan anda bergraduat. Dalam erti kata lain, usah bermimpi untuk mengenggam segulung ijazah jika

anda tidak menyempurnakan kesemua tujuh teras utama kursus ini.

Mungkin sesetengah dari anda merasakan ini satu bebanan. Ketepikan rasa itu dan alami sendiri. Saya yakin dan percaya, anda akan seronok melalui pengalaman ini dan akhirnya, anda pasti akan berterima kasih kepada UniMAP kerana menyediakan kursus-kursus ini untuk anda.

Menteri Pengajian Tinggi sendiri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam ucapannya kepada mahasiswa mahasiswi baru di laman blognya <http://khalednordin.com> ada menyebut :

**“selaku mahasiswa kalian haruslah menunjukkan minat dan aktif dalam aktiviti bersifat kemasyarakatan, keagamaan, perpaduan dan kokurikulum agar konsep gagasan 1Malaysia dapat direalisasikan dengan jayanya. Sebagai mahasiswa juga, kalian haruslah sentiasa sedar dan mengaplikasikan aspirasi 1Malaysia dalam kehidupan di kampus kelak.”**

Dan inilah yang sebenarnya dilaksanakan oleh UniMAP. Semenjak tahun 2008 lagi, yakni sebelum pelancaran 1Malaysia, UniMAP telah menerapkan konsep JUARA PERPADUAN dalam setiap program dan aktiviti universiti terutama membabitkan program **7 i – pillars** ini.

Dan sebagai Naib Canselor, saya mengharapkan kerjasama dan komitmen daripada anda semua untuk merealisasikan hasrat dan matlamat ini untuk kemajuan UniMAP yang kita sayangi ini.

Para pelajar sekalian,

UniMAP sebenarnya cuba menghasilkan graduan ideal. Mungkin para pelajar tertanya-tanya apakah yang dimaksudkan dengan graduan ideal. Graduan yang ideal bukan sahaja perlu mahir dalam penguasaan kemahiran asas, malah kemahiran berbentuk 'soft skills' yang sangat diperlukan dalam mengharungi pasaran pekerjaan yang sentiasa berkembang.

Graduan ideal perlulah mempunyai kebijaksanaan dalam berkomunikasi, pandai menjaga ketrampilan diri, berkebolehan dalam menyelesaikan masalah dan konflik serta bersedia berhadapan dengan masalah yang mendatang. Ini adalah yang kita panggil sebagai "soft skills" yang akan memberi nilai tambah kepada para graduan.

Dan ini adalah selaras dengan Teras Strategik Keempat RMK-10 iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia di Malaysia ini.

Para pelajar sekalian,

Baru-baru ini, UniMAP telah berjaya menumpaskan 21 kontinjen yang mengambil bahagian keseluruhannya dalam Kejohanan Sukan Staff (SUKUM) kali ke-35 yang diadakan di USM Pulau Pinang. Kita berjaya memungut 7 kejuaraan, 4 naib juara dan menduduki tempat ketiga dalam 5 acara. Kejayaan itu membolehkan kita berkongsi trofi kejuaraan dengan USM selepas memungut jumlah pingat dan mata yang sama. Kejayaan ini membuktikan bahawa kita merupakan universiti yang versatil dan mampu untuk menceburi pelbagai bidang.

Saya berharap dengan kejayaan ini dapat memberi perangsang kepada para pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang sukan seperti menyertai Sukan Antara Universiti (Masum) pada tahun hadapan.

Akhir kata, Saya berharap para pelajar akan sentiasa mengambil peluang yang ada dengan menggunakan segala untuk mengembangkan bakat dalam segala bidang yang diceburi. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun:

**UniMAP Universiti Nun Jauh Di Utara**



**Mengamalkan Konsep Kampus Bertaburan**

**Jurutera Versatil Pendokong Bangsa**

**Mencorak Negara Maju Ke Hadapan**

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahitaufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.